



Jabatan  
Perlindungan  
Hidupan Liar dan  
Taman  
Negara (PERHILITAN)

# BADAK SUMATERA

(*Dicerorhinus sumatrensis sumatrensis*)  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA



## FAKTA ASAS

Badak tergolong di dalam Order Perissodactyla dan famili Rhinocerotidae. Terdapat dua subfamili badak iaitu yang mempunyai satu sumbu dan yang mempunyai dua sumbu. Lima spesies badak yang ditemui iaitu Badak Hitam *Diceros bicornis*, Badak Putih *Ceratotherium simum* di Afrika, Badak Sumatera *Dicerorhinus sumatrensis*, Badak India *Rhinoceros unicornis* dan Badak Raya *Rhinoceros sondaicus* di Asia. Perkataan rhinoceros bermaksud 'hidung yang mempunyai tanduk'. Ini amat bersesuaian memandangkan hanya spesies badak yang mempunyai sumbu di atas hidungnya.

Badak Sumatera atau lebih dikenali sebagai Badak Sumatra adalah yang terkecil jika dibandingkan dengan lain-lain spesies badak. Ia mempunyai purata berat badan di antara 600 hingga 800 kilogram dengan ketinggian sehingga 1.5 meter. Kulitnya yang menyerupai perisai berlipat berwarna perang kekelabuan diliputi oleh bulu berwarna perang kemerahan. Bentuk badannya kelihatan tegap tetapi rendah dan kaki menyerupai tiang yang kukuh. Ia mempunyai 2 sumbu di atas bahagian hidung dengan sumbu hadapan lebih panjang daripada belakang. Kebiasaannya sumbu badak jantan lebih besar daripada yang betina. Bibir atasnya seakan menyerupai cangkuk.


Spesies ini pada kebiasaannya bersendirian kecuali dalam musim mengawan. Ia melahirkan seekor anak pada setiap kelahiran. Kelebihan spesies ini ialah dapat bergerak pada cerun yang curam. Berkubang merupakan kegemarannya. Spesies ini biasanya memakan daun, pucuk, akar dan kulit pokok kayu serta buah-buahan hutan yang jatuh ke tanah.



Berkubang merupakan aktiviti utama Badak Sumatera

## Taburan dan Populasi

Badak Sumatera amat jarang ditemui di dunia dan diancam kepupusan di seluruh kawasan taburannya. Pada masa dahulu, badak boleh ditemui di Asia Tenggara tetapi kini ianya terhad dalam populasi yang kecil dan terpencil di Malaysia, Thailand, selatan Myanmar, Kemboja atau Vietnam. Di Semenanjung Malaysia, taburan Badak Sumatera terhad kepada beberapa buah negeri sahaja iaitu Kedah, Perak, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Spesies ini boleh ditemui di hutan tanah pamah sehingga ke hutan gunung dan kebiasaannya pada ketinggian 1000m dari aras laut. Pada tahun 1990an, Badak Sumatera boleh ditemui di seluruh Semenanjung Malaysia walaupun populasinya ketika itu tidak dapat ditentukan. Pada tahun 2009, populasi spesies ini dianggarkan kurang daripada 70 ekor. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kawasan yang belum ditinjau contohnya Banjaran Titiwangsa yang mempunyai keluasan melebihi 12,000 km persegi.



## Aktiviti-Aktiviti Konservasi

Di antara aktiviti konservasi Badak Sumatera yang telah dijalankan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) ialah:

### Pengawalan populasi dan habitat Badak Sumatera sedia ada (pengawalan *in-situ*)

Pengawalan dan pemantauan oleh RPU telah dimulakan pada tahun 1995 yang bertujuan untuk mengutip dan mengemaskini data Badak Sumatera di lapangan. Kumpulan ini terdiri daripada empat hingga enam kakitangan yang akan masuk ke kawasan habitat Badak Sumatera setiap bulan. Lokasi survei yang akan dijalankan biasanya di kawasan yang diketahui habitat Badak Sumatera sama ada di luar kawasan hutan perlindungan atau di dalam kawasan hutan perlindungan.

### Inventori Biodiversiti

Objektif inventori dijalankan adalah untuk mengumpul senarai spesies yang terdapat di sesuatu kawasan dan mendapatkan kelimpahan relatif spesies terpilih berdasarkan kepada bilangan kesan yang dijumpai. Program inventori meliputi semua jenis habitat di kawasan kajian. Data daripada program inventori akan dikumpulkan untuk analisis dan boleh disimpan didalam database PERHILITAN.

### Pemasangan Perangkap Kamera

Kaedah perangkap kamera merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat atau untuk mengetahui kehadiran hidupan liar di kawasan yang jauh terpencil dalam hutan. Kaedah ini pernah digunakan dalam kajian populasi Harimau Belang di kawasan Taman Negara oleh Laidlaw pada tahun 1998. Kaedah pengamatan hidupan liar secara tidak langsung melalui kesan-kesan seperti tapak dan kesan makan adalah agak rumit memandangkan kaedah ini bergantung kepada substrat, kemahiran dan pengetahuan para pengkaji.

### Program pengawalan sepenuh masa di Taman Negara

Pengawalan sepenuh masa di Taman Negara telah diberi keutamaan untuk melindungi hidupan liar daripada penceroboh dan pemburu haram. Semasa program ini dijalankan, data hidupan liar juga diambil. Kumpulan ini terdiri daripada kakitangan dari negeri-negeri dengan bilangan antara enam-lapan orang untuk satu kumpulan. Sehingga kini, sejumlah 72 penceroboh telah berjaya ditangkap di dalam Taman Negara kerana kesalah menceroboh dan kesalahan-kesalahan lain yang melanggar Akta Hidupan Liar 76/ 72.

### Penguatkuasaan

Antara strategi Pihak Jabatan PERHILITAN dalam penguatkuasaan adalah berkerjasama dengan agensi seperti imigresen, polis dan tentera untuk memperkukuhkan pengawalan di kawasan sempadan, mengumpul maklumat dan perisikan. Orang awam digalakkan supaya dapat memberi maklumat berkenaan sebarang aktiviti yang menyalahi Akta Hidupan Liar 1972/ 76. Kesemua maklumat adalah dirahsiakan.

### Program Kesedaran Awam

Program ini memberikan fokus kepada meningkatkan kesedaran komuniti setempat dalam pemuliharaan hidupan liar serta habitatnya. Kumpulan sasaran bagi program ini adalah terdiri daripada pelajar, belia, guru-guru serta komuniti setempat.



Mengukur keluasan kubang Badak Sumatera yang aktif

### Status Diperindungi

Badak Sumatera disenaraikan sebagai binatang liar yang Di Perlindungan Sepenuhnya di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar, Akta No. 76 (1972). Tiap-tiap orang yang menyalahi undang-undang menembak, membunuh atau mengambil sebahagian daripadanya adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda sehingga RM15,000.00 atau dipenjarakan selama lima tahun atau kedua-duanya. Di peringkat antarabangsa, Badak Sumatera disenaraikan di dalam Appendix 'Convention of International Trade in Endangered Species' (CITES). Spesies ini juga dikategorikan sebagai 'Sangat Terancam' di dalam Senarai Data Merah IUCN (2001).



Kaki Badak Sumatera yang cedera akibat terkena jerat dawai

### Ancaman Utama

Di antara ancaman utama kepada penurunan populasi spesies ini ialah kemusnahan habitat dan pemburuan haram. Kebanyakannya tertumpu untuk mendapatkan sumbu dan juga bahagian yang lain yang dipercayai boleh dijadikan ubat. Walaupun jumlah sebenar Badak Sumatera yang dibunuh tidak diketahui, rekod lepas menunjukkan sebanyak 30 ekor telah dibunuh semenjak 1975 sehingga 2005. Aktiviti pembalakan juga merupakan salah satu ancaman di mana ia akan menyebabkan hutan-hutan terpisah dan ini mengasingkan badak-badak yang ada di hutan tersebut. Selain itu pembukaan kawasan hutan untuk dijadikan kawasan pertanian juga merupakan ancaman kerana secara tidak langsung habitat Badak Sumatera akan mengecil.